

Pemberian subsidi untungkan pengimport

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pengusaha tempatan meningkatkan penyertaan mereka di bidang pembuatan dan tidak hanya membiarkannya dikuasai oleh syarikat asing.

Katanya, kebanyakan pelabur asing datang ke Malaysia kerana yakin dengan kecekapan pekerja tempatan di samping pencapaian tahap produktiviti yang tinggi.

"Saya percaya kita berupaya membangunkan industri pembuatan kerana pelabur asing sendiri mengakui bahawa pekerja tempatan termasuk jurutera dan pengurusnya mampu mengendali kilang yang maju dan moden," katanya di pameran perdagangan anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Wilayah Persekutuan dan Selangor (KLCCCI) di Kuala Lumpur semalam.

Meniru

Beliau berkata langkah pertama ke arah meningkatkan penyertaan rakyat tempatan di bidang itu ialah melalui usahasama dengan pelabur asing terutama dari Korea, Taiwan dan Hong Kong.

"Apabila kita sudah mempunyai pengetahuan dan keupayaan, kita bolehlah membuka perusahaannya kita sendiri," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata saranan beliau itu bukan kerana ingin menjaga maruah tetapi bagi memastikan rakyat Malaysia menikmati hasil daripada pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau juga meminta pengusaha tempatan mempelajari teknologi yang dibawa masuk oleh syarikat asing dan jika perlu menirunya bagi memastikan penyertaan tempatan di bidang pembuatan.

Menurutnya, kerajaan sudah memberi pelbagai insentif bagi membolehkan pengusaha tem-

BAH 10/12/88
Oleh ROSLAN ALI

patan bersaing dengan negara perindustrian baru (NIC) lain.

Malah, katanya kebanyakan negara perindustrian baru sudah hilang keupayaan saingan disebabkan pemansuhan kemudahan Skim Keutamaan Am (GSP) yang diberikan kepada negara mereka.

"Selain itu, negara berkenaan mengalami tekanan matawang menyebabkan kebanyakan industri mereka memindahkan operasi ke Malaysia. Dalam pada itu, iklim pelaburan di Malaysia semakin menggalakkan dengan penurunan nilai ringgit berbanding matawang lain," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir meminta pengusaha tempatan tidak terlalu mengharapkan subsidi kerajaan.

"Ini kerana pemberian subsidi tidak akan membantu pengusaha tempatan, malah menimbulkan masalah. Kebanyakan negara maju akan mengenakan cukai import tambahan terhadap barangan yang mendapat subsidi, akhirnya subsidi diberikan itu akan hanya menguntungkan negara pengimport," katanya.

Katanya, adalah lebih baik jika pengusaha tempatan berusaha meningkatkan kecekapan pengeluaran dan produktiviti mereka untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

Beliau berkata, kemajuan industri pembuatan dan penyertaan rakyat tempatan penting kerana zaman di mana ekonomi negara hanya bergantung kepada timah, getah, hartanah dan urusan institusi kewangan sudah berlalu.

"Masa depan ekonomi negara kini bergantung kepada keupayaan kita untuk memperluaskan industri pembuatan yang lebih moden," katanya.